




MENTARI

Satu Misi Satu Identiti



MALAYSIA
#sehatisejiwa

perkukuh solidariti
nasional

PERJUANGAN BANGSA
contohi watak positif
Hang Tuah

**PERPADUAN DALAM
KEPELBAGAIAN:**
antara realiti dan ilusi

ISSN 1985-4307

PERCUMA



9 771985 430007

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN



MENTARI OGOS 2015

KANDUNGAN

FOKUS

- 4 Sehati Sejiwa

KOLUMNIS

- 8 Perjuangan Bangsa Contohi
Watak Positif Hang Tuah
- 10 'Malaysia #sehatisejiwa'
Perkukuh Solidariti Nasional
- 12 Transformasi Ekonomi Langkah
Strategik Perkukuh Ekonomi
Negara

UMUM

- 16 Perpaduan Dalam Kepelbagaian:
Antara Realiti dan Illusi
- 20 "Cukuplah pengalaman hidup
dalam ketakutan"
- 24 Zahir Rasa Cinta Negara dengan
Kibar Jalur Gemilang
- 26 Semarak Hari Kebangsaan 2015



DARI NOTA MENTARI

Sambutan Hari Kebangsaan 2015 bertemakan Malaysia #sehati sejiwa. Tema ini memberi makna yang cukup positif dalam memperkukuhkan semangat patriotisme rakyat. 'Patriotisme' adalah roh utama dalam sambutan Hari Kebangsaan mana-mana Negara sekali pun. Ia adalah perkara berkaitan perasaan sayang dan cintakan Negara. Patriotisme melambangkan perasaan 'sehati sejiwa' rakyat dalam mempertahankan kedaulatan tanah air ini.

Perasaan dan semangat 'sehati sejiwa' ini akan mendorong seluruh rakyat berpadu tenaga membangun dan memajukan tanah air tercinta ini dalam kerangka wawasan nasional (Wawasan 2020) untuk menjadikan Negara ini sebuah Negara maju berpendapatan tinggi menurut acuannya tersendiri.

Hakikatnya, tema 'sehati sejiwa' memiliki potensi spiritual yang boleh membina solidariti dan semangat pengorbanan yang tinggi dalam kalangan rakyat. Selama ini, kita telah diuji dengan berbagai peristiwa yang boleh mengancam kedaulatan Negara tercinta ini. Namun, terbukti bahawa solidariti masyarakat kita begitu kuat dan sukar untuk dirobek oleh musuh-musuh.

Pun begitu, perlu diingat bahawa dewasa ini kita berhadapan dengan berbagai cabaran seperti cabaran – politik fitnah dan kebencian, cabaran ekonomi sehinggalah kepada ancaman bencana alam dan ancaman ekstremisme yang semuanya menuntut semangat patriotisme yang cukup tinggi dalam kalangan pemimpin dan rakyat.

Pelbagai ancaman itu menguji potensi dan kemampuan bangsa kita untuk terus memperkukuhkan solidariti dan perpaduan rakyat di Negara ini. Ia memerlukan kesedaran dan dukungan dari semua pihak untuk melaksanakan tanggungjawab bersama secara kolektif bagi mengekalkan keamanan, perpaduan, keselamatan dan kesejahteraan Negara.

Justeru, demi menzahirkan rasa syukur kerana kita masih menikmati keamanan, keharmonian dan kesejahteraan hidup bermasyarakat dan berNegara dalam Negara yang kekal berdaulat ini, maka, sama-samalah kita menyambut hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini dengan semangat 'sehati sejiwa'. Semangat 'sehati sejiwa' ini hendaklah disematkan di hati setiap rakyat dengan perasaan bertanggungjawab, bersama-sama berganding bahu dengan kepimpinan Negara bagi membangun dan memajukan Negara ini.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan ini juga, sama-samalah kita memeriahkannya dengan kibaran Jalur Gemilang yang merupakan lambang kedaulatan dan kemegahan Negara. Oleh itu, diharapkan kefahaman dan penghayatan 'sehati sejiwa' dapat mewarnai erti semangat Hari Kebangsaan seterusnya mampu mempertingkatkan azam dalam melaksanakan agenda pembangunan Negara demi mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. **M** Selamat membaca.

Masnoor bin Ashaari.



SIDANG REDAKSI MENTARI

BIL 2/2015

PENASIHAT

Dato' Haji Ibrahim bin Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia
ibrahim@inform.gov.my

Ketua Editor

Masnoor bin Ashaari
masnoor@inform.gov.my

Editor

Ku Noor Azian binti Ku Azizan
kuazian@inform.gov.my

Editor Penyelaras

Hasnida binti Samsudin
hasnida@inform.gov.my

Kolumnis

Mohd Ayop bin Abd Razid
mabar@inform.gov.my

Foto

Pusat Sumber dan Fotografi
Jabatan Penerangan Malaysia

Pengedaran

Cawangan Pengurusan Maklumat & Unit Stor Bahagian
Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Jabatan Penerangan Malaysia
Angkasapuri 50612 Kuala Lumpur.

Sebarang sumbangan karya dan pandangan amat dialu-
alukan. Artikel yang sesuai dan terpilih akan disiarkan.
Sila hantarkan sumbangan anda kepada:


Ketua Editor Mentari
Bahagian Penerbitan Dasar Negara (BPDN)
Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 12, Kompleks KKMM
4G9, Persiaran Perdana Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8911 3441
Faks: 03-8911 4957

Pencetak

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No. 31, Jalan 2/148A,
Taman Sungai Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-7987 0966
Faks: 03-7984 0966

Grafik

Dalila Kamarudin
delila.dali@gmail.com



MALAYSIA

#*sehatisejiwa*

LOGO

Bentuk HATI merupakan perlambangan kesatuan rakyat Malaysia yang sekian lama hidup dalam aman, toleransi dan harmoni.

BULAN pula adalah metafora keluhuran Islam sebagai agama rasmi negara manakala **BINTANG** pecah 14 adalah cerminan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan.

PETA Malaysia menggambarkan keakraban semua negeri di bawah payung negara.

GARIS MERAH di bawah adalah imejan rakyat Malaysia yang berjiwa besar dan berani, di samping rentetan warna BIRU, MERAH PUTIH, KUNING yang merupakan kombinasi warna Jalur Gemilang kebanggaan rakyat Malaysia.

TEMA

Malaysia #sehatisejiwa adalah cerminan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat kepada Malaysia negara tercinta. Kesenadaan Malaysia #sehatisejiwa setiap lapisan masyarakat Malaysia akan terus menyatukan kita tanpa mengira garis sempadan nautika lautan, susur galur keturunan, kepercayaan, adat resam dan negeri kelahiran.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2015 bertemakan Malaysia #sehatisejiwa mampu menggerak dan menyemarakkan perasaan kasih dan sayang serta hormat menghormati di antara kita. Ia akan meneguhkan lagi semangat patriotisme yang menjadi tunggak dan tiang seri kepada keharmonian dan perpaduan bangsa Malaysia. Malaysia #sehatisejiwa adalah titian hubungan - yang jauh di dekat, ukhuwah dipererat. Selamanya...



Sehati Sejiwa




Oleh: Profesor Madya Dr. Sivamurugan Pandian
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

MUKADIMAH

Tahun ini kita akan menyambut hari kebangsaan yang bertemakan *Malaysia #sehatisejiwa*. Seringkali pemilihan tema hari kebangsaan menjadi paparan kepada umum akan peri pentingnya memahami pengalaman, cabaran dan masa depan Negara bangsa ini. Sejarah, watan dan wawasan ini menjadi tunjang kekuatan, ancaman, peluang dan muhasabah agar yang dibina tidak roboh sekelip mata; yang ampuh tidak runtuh kerana desakan dalaman dan luaran.

Sekali imbas, pengalaman dan cabaran negara ini yang dihuni oleh masyarakat berbilang etnik untuk sekian lamanya menjadi acuan Malaysia #sehatisejiwa tema kali ini. Hakikatnya, demografi



“...tema itu dipilih agar rakyat Malaysia dapat membina semangat sehati sejiwa tidak kira mereka berada di Semenanjung, Sabah atau Sarawak’ perlu diberikan pengiktirafan sewajarnya.”

Malahan, ia juga tidak akan menyebut bilangan ulang tahunnya sebaliknya hanya dikenali sebagai ‘Hari Kebangsaan 2015’ amat signifikan kerana acapkali tahun 1957 dan 1963 yang mempunyai signifikansi berbeza menimbulkan polemik hari kemerdekaan.

SEHATI, SEJIWA AMALAN BERSAMA

Yang akan membolehkan kerencaman kepelbagaian warna Malaysia kekal adalah ‘aspirasi’ nilai bersama berpusatkan kepada nilai toleransi, hormat dan faham sebagaimana nilai ini menjadi roh kepada hubungan antara etnik di negara ini.

Hatta, bila kita merujuk kepada tema *Malaysia #sehatisejiwa*, asas kepadanya adalah ketiga-tiga elemen ini agar ia tidak mencetuskan perasaan etnosentrik, prejudis mahupun diskriminasi kerana dalam mana-mana hubungan; yang diperlukan adalah ‘kejujuran’ dan ‘keikhlasan’ tanpa menyoal siapa yang perlu berkorban mahupun berkompromi. ‘Sehati, Sejiwa’ adalah sifat asal kepada ‘karakter nasional’ yang memiliki ciri-ciri patriotisme dan nasionalisme yang cintakan negara, akan sentiasa bersedia berjuang demi tanah air dan tidak sama sekali akan menggadai maruah Negara bangsa ini untuk perjuangan yang songsang dengan lembayung ‘karakter nasional’ ini.

Ia juga merupakan manifestasi pembentukan ‘masyarakat kelas satu’ di sebuah negara kelas pertama’. Malaysia dijangka akan dikelompokkan dalam kalangan negara dunia pertama; negara-negara yang dikategorikan sebagai ‘maju’ yang mempunyai kemudahan, infrastruktur dan keyakinan tinggi dari kalangan pelabur dan masyarakat asing. Namun, sudah pasti ia wajar dihuni oleh masyarakat yang bukan bermentaliti dunia ketiga tetapi masyarakat yang dilabel sebagai ‘kelas satu’ yakni ada ilmu, kemahiran dan kebolehan tetapi kesemuanya diselaputi dengan nilai keperibadian mulia termasuk ada nilai ‘sehati, sejiwa’ ke atas negara tercinta ini.

dan geografi sedemikian rupa menjadi asas kepada dinding ‘kepunyaan’ yang melakar persekitaran alam sekeliling kita merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak walaupun Malaysia hanya lahir pada tahun 1963. Tanpa asas kemerdekaan pada tahun 1957, barangkali cetusan pemikiran untuk mewujudkan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai negara di rantau ini pada peringkat awal yang kemudiannya hanya melihat Semenanjung, Sabah dan Sarawak kekal bersama sukar direalisasikan.

Maka, kenyataan bekas Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek bahawa ‘tema itu dipilih agar rakyat Malaysia dapat membina semangat sehati sejiwa tidak kira mereka berada di Semenanjung, Sabah atau Sarawak’ perlu diberikan pengiktirafan sewajarnya.

Jiwa 'sehati, sejiwa' tidak hadir dengan sendirinya dalam sebahagian daripada kita. Ia memerlukan rasa tanggungjawab dalam kalangan pelbagai pihak untuk menyemai, memupuk dan memastikan ia berlangsung dalam karenah sebilangan yang rancak mencari kedamaian dunia ekonomi sehingga alpa akan dominasi nilai karakter nasional yang memagari dunia perjalanan negara-bangsa bernama 'Malaysia'.

Tanggungjawab ke atas pembinaan perwatakan 'sehati, sejiwa' sebagai salah satu nilai 'karakter nasional' perlu datang dari rumah. Dalam kita membesarkan anggota keluarga dengan nilai keagamaan dan keetnikan, tidak salah jika jiwa Malaysia diangkat bersama dalam hati nurani masing-masing. Sama ada sedar atau tidak, dalam kegigihan mencari nafkah kehidupan, kita menjadi masyarakat berorientasikan materialistik dan individualistik berbanding dengan zaman kita negara ini mula dibina.

Ibu bapa bertanggungjawab menyemarakkan jiwa Malaysia; bukan dengan sajian sejarah Malaysia tetapi melentur keperibadian mempertahankan kedaulatan Negara bangsa ini. Jika bukan kita, siapa lagi? Begitu juga dengan guru di sekolah, pensyarah di universiti, majikan di tempat bekerja; kesemuanya ada peranan untuk memastikan walaupun berbeza agama, etnik, kepercayaan, gender dan fahaman politik serta stratifikasi kelas masyarakat sekalipun; jangan kita bersedia untuk 'menjual' maruah negara kita.

Kita pernah mendengar mereka yang menyoal mengenai bendera, lagu Negaraku dan ada juga seronok perlekehkan negara di pentas dunia. Biarkan mereka kerana dalam hati mereka saya percaya mereka tidak akan dapat mencari pengganti 'Malaysia' yang terbuku dalam jiwa masing-masing sejak dilahirkan. 'Sehati, Sejiwa' tidak semestinya hanya ada pada yang menaikkan bendera Malaysia atau memakai pakaian kebangsaan semata-mata kerana dalam generasi hari ini; ia berbeza dengan luahan generasi merdeka. Namun, dalam kalangan generasi muda juga ada nilai 'karakter nasional' yang tidak ditonjolkan secara fizikal tetapi dipertontonkan dengan metodologi berbeza disesuaikan dengan alam mutakhir.

Media juga mempunyai tanggungjawab besar dalam menaikkan nilai 'sehati' sejiwa'. Media bukan sekadar media konvensional kerana hari ini media sosial juga amat penting untuk diterokai agar menjadi tumpuan dominan generasi muda. Pengamal media boleh mencari ruang kreatif untuk mendekati golongan yang menjauhkan diri mereka dari nilai ini dengan bertanggapan bahawa mereka tidak ada fungsi sedangkan pengstrukturkan Negara bangsa

“ Sama ada sedar atau tidak, dalam kegigihan mencari nafkah kehidupan, kita menjadi masyarakat berorientasikan materialistik dan individualistik...”

amat memerlukan generasi ini bukan sahaja untuk menggalas masa depan Negara tetapi lebih daripada itu, golongan ini juga akan menjadi benteng, dinding dan perisai kepada pembentukan 'karakter nasional' berjiwakan Malaysia di hati mereka.

Sesungguhnya, semangat 'sehati, sejiwa' memerlukan ikon atau idola serta contoh kepada yang lain terutama dalam kalangan pemimpin kerana pemimpin dilihat mempunyai ramai penyokong yang menunjukkan kesetiaan kepada barisan kepimpinan. Lantaran itu, fitrah manusia dilahirkan untuk saling kenal-mengenal antara satu sama lain mesti menjadi gagasan ke arah memperteguhkan perasaan 'sehati, sejiwa' kerana nilai kemanusiaan melangkaui ciri-ciri yang boleh menjadi petunjuk keterbatasan ke atas membina nilai 'bersama', 'muafakat' ataupun 'sepadu' di bawah bumbung 'satu keluarga besar' bernama Malaysia.

PENUTUP

Pemilihan tema *Malaysia #sehatisejiwa* bertepatan dengan latar demografi dan geografi yang rencam dan kompleks. Yang mahu dilihat adalah sejauh manakah masing-masing boleh hormat, faham dan menerima di antara satu sama lain di samping menjunjung ketertinggian Perlembagaan, fasih menguasai Bahasa Malaysia dan bangga menjadi warga Malaysia berjenamakan bangsa Malaysia.

Malaysia hari ini masih diwarnakan oleh kepelbagaian yang memerlukan rasa tanggungjawab dengan penuh kejujuran untuk menggapai rasa kepunyaan dalam diri masing-masing yang memanggil dirinya sebagai orang Malaysia baik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kompromi dan pengorbanan berterusan dalam kalangan kita sebagai rakyat Malaysia mampu untuk memapar kelangsungan jiwa Malaysia dalam hati masing-masing walau apa jua cabaran yang perlu didaki kerana 'di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung'. Ini juga namanya jiwa dan hati MALAYSIA. **M**

Madah Bestari

Cinta Negara



“Merdeka itu bukanlah suatu benda yang mudah boleh didapat, melainkan ialah dikehendaki untuk mendapatkannya itu iaitu pengorbanan yang sebenar pengorbanan...”

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,
Perdana Menteri Malaysia 1
(1957 – 1970)



“Marilah kita membanggakan Negara kita dan sentiasa berjaga-jaga supaya tidak dipengaruhi oleh fahaman kebangsaan yang sempit...”

Tun Abdul Razak Dato' Hussein,
Perdana Menteri Malaysia II
(1970 – 1976)



“Masa depan ekonomi Negara tidak akan membawa apa-apa makna jika keselamatan tidak terjamin, keselamatan adalah teras keutuhan ekonomi dan kestabilan politik.”

Tun Hussein Onn,
Perdana Menteri Malaysia III
(1976 – 1981)



“Kita mesti giat serta kemampuan untuk menjadikan diri kita sebagai rakyat yang cintakan Negara dengan segala pengorbanan dicurahkan bagi kebahagiaan Negara dan masa depannya. Biarlah setiap Hari Kebangsaan kita mencatat kejayaan yang boleh dibanggakan terhadap Malaysia yang kita sayangi ini.”

Tun Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri Malaysia IV
(1982 – 2003)



“Marilah kita bersama-sama menilai erti kemerdekaan dengan cara yang berbeza, supaya kita dapat menghayati nilai kebebasan yang dikecapi.”

Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi,
Perdana Menteri Malaysia V
(2003 – 2009)



“Marilah kita selami dan tanamkan semangat patriotisme dengan mencintai tanah air. Sesungguhnya, lambaian Hari Kebangsaan mengundang dan melukiskan pelbagai pemaknaan dan pengertian buat kita semua sebagai warga merdeka.”

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Malaysia VI

PERJUANGAN BANGSA CONTOHI WATAK POSITIF HANG TUAH




Oleh: Mohd Ayop Abd Razid
Penganalisis Media BPDN

Hang Tuah adalah hulubalang Melayu (Melaka) yang terkenal. Watak Hang Tuah boleh kita cungkil dan fahami dalam dua buah magna opus sastera Melayu yang terkenal, iaitu Sejarah Melayu (SM) dan Hikayat Hang Tuah (HHT). Watak Hang Tuah bukan sahaja menggambarkan kehebatan dan kecemerlangan kerajaan Melaka yang didukungnya tetapi juga menonjolkan mesej perjuangan bangsa yang begitu tinggi nilainya. Biarpun kisah Hang Tuah tergolong dalam kategori sastera legenda bercampur mitos, namun ia tetap mempunyai akar dan nilai sejarah yang diperakui oleh tokoh sasterawan dan sejarawan Barat dan tempatan.

Pengkaji Barat seperti C. Hooykaas menyatakan HHT sebagai 'Malay Legendary Novel' mempunyai unsur sejarah. R.O. Winstedt pula memasukkan HHT dalam "Malayo-Javanese Romance" kerana unsur-unsur hero dalam hikayat itu dibina atas unsur-unsur hero dalam Hikayat Panji. Sasterawan tempatan seperti Kassim Ahmad pula menggolongkan HHT dalam golongan epos kerana terdapat unsur epik berdasarkan luasnya alam penceritaan dan sifat kemanusiaannya.

Apa pun huraian yang diberikan oleh pengkaji, kisah mengenai Hang Tuah sudah menjadi kebanggaan dan begitu sehati dengan masyarakat Melayu. Walaupun SM tidak menggambarkan selengkap-lengkapnya watak Hang Tuah tetapi di dalam HHT, watak dan peribadinya diceritakan dengan lanjut sejak dari kecil hingga ke zaman tuanya.

Banyak watak positif yang boleh kita ambil dan pelajari dari watak Hang Tuah itu. Antaranya, Hang Tuah adalah sosok peribadi yang berbakat, gagah berani, cerdik, cekal, tabah, berprinsip, taat setia dan sedia berkorban untuk bangsa, agama dan negara.



Salah satu kisah Hang Tuah yang dapat menggambarkan nilai kehebatan yang ada pada dirinya ialah kisah ketika Hang Tuah dan kawan-kawannya (ketika meningkat remaja) belayar dan bertarung dengan lanun. Penghulu Batin ketika memberitahu Bendahara tentang kisah Hang Tuah dan kawan-kawannya bertarung dengan lanun berpendapat Hang Tuah mempunyai sifat keperwiraan, kebijaksanaan dan kecekan yang cukup tinggi.

Dalam insiden itu, Hang Tuah sejak zaman remaja telah menunjukkan bakat sebagai seorang ketua yang berani, cerdik, pintar serta menguasai suasana dan situasi genting. Hang Tuah memperlihatkan keperwiraannya, tahu bermain senjata, hatinya cekal dan kepandaian berkomunikasi. Namun, dalam masa yang sama ia mempunyai watak yang lemah lembut dan merendah diri tetapi akan bertegas apabila keadaan memerlukannya berbuat demikian.

Sepanjang perkhidmatannya kepada kerajaan (Sultan) Melaka, Hang Tuah bukanlah seorang yang gila kuasa. Hang Tuah tidak membolot semua peranan utama dalam segenap peristiwa dan kejadian. Contohnya, Hang Tuah tidak menjadi ketua rombongan tetapi hanya digambarkan sebagai pengiring Sultan Mansor Shah ke Majapahit untuk meminang Radin Galoh. Walaupun tidak bertindak sebagai ketua (pemimpin) rombongan tetapi Hang Tuah tetap diceritakan sebagai hulubalang harapan ketika berada di Majapahit.

Sifat seperti inilah patut dicontohi oleh kita, terutama para pejuang bangsa. Biar di mana pun kedudukan kita tetapi hendaklah menjadi harapan negara, bangsa dan agama. Jika kita berada dalam perjuangan parti atau organisasi awam atau swasta maka janganlah kita asyik mengejar jawatan dan

Sekalung tahniah buat

**YB SENATOR DATUK SERI
PANGLIMA DR. MOHD SALLEH
TUN SAID KERUAK**

“...tidak hairanlah kata-kata Hang Tuah “Tidak Melayu Hilang di Dunia” turut dijadikan pembangkit semangat nasionalisme Melayu pada zaman penjajahan Inggeris.”

pangkat semata-mata. Apa pun kedudukan kita sama ada di peringkat atas mahupun peringkat pertengahan ataupun bawahan maka hendaklah kita berwatak seperti Hang Tuah.

Ingatlah kisah Hang Tuah di Majapahit (tanah Jawa). Di saat kakinya menjejak bumi Majapahit, Patih Gajah Mada dan Bentara Majapahit cuba membuat helah untuk memalukan Hang Tuah dan Rajanya hingga sampai ke peringkat membunuhnya. Namun, dalam saat berhadapan dengan cabaran itulah Hang Tuah memperlihatkan kualiti perwatakannya merangkumi keperwiraan, keberanian, kecerdikan, keintelektualan, kebijaksanaan, kesetiaan, kehandalan bermain senjata serta berupaya menguasai peristiwa (isu) dan suasana. Justeru, generasi muda wajar melihat pahlawan Melayu itu sebagai lambang kehebatan orang muda yang tangkas, berani dan bijaksana.

Kesimpulan, Hang Tuah adalah lambang dan imej yang memadukan aspirasi dan semangat yang berzaman. Justeru, tidak hairanlah kata-kata Hang Tuah “Tidak Melayu Hilang di Dunia” turut dijadikan pembangkit semangat nasionalisme Melayu pada zaman penjajahan Inggeris. Pemahaman dan penghayatan terhadap watak Hang Tuah boleh dijadikan obor perjuangan bangsa supaya sentiasa menyala dan dapat mengharungi badai yang semakin mencabar.

Sekiranya kita mahu memastikan obor perjuangan kita terus marak maka kita wajar mencontohi nilai-nilai positif yang ada pada diri Hang Tuah. Inilah maksud pantun yang disebut Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika merasmikan Persidangan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu yang berbunyi:

Hebatnya Hang Tuah sehingga kini,
Kisahnyanya menjadi bualan zaman,
Jiwa pejuang takkan terhenti,
Selagi nyawa di kandung badan. **M**



Jabatan Penerangan Malaysia merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan YB Senator Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh Tun Said Keruak, 58 tahun yang kini menjawat Menteri Komunikasi Dan Multimedia, Malaysia mulai 29 Julai 2015.

Antara bidang tugas yang pernah disandang oleh beliau ialah menjadi Menteri Kewangan Sabah; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah dan Ketua Menteri Sabah yang Ke-9.

Beliau turut bergiat aktif dalam bidang politik dan pernah memegang jawatan sebagai Ketua UMNO P.169 Kota Belud, Pengerusi UMNO Sabah dan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah sejak tahun 1996 hingga kini. Di samping itu, beliau turut terlibat dalam dalam pertubuhan NGO dan pernah menjadi Naib Presiden Majlis Belia Malaysia, Presiden Persatuan Seni Budaya Bajau (PSBB), anggota Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) juga Pengerusi FINAS pada tahun 2011.

Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PH.D) Politik dan Kerajaan; Ijazah Sarjana (Master) Sains Politik dan Kerajaan; Ijazah Sarjana Muda (Bachelor) Sains Politik.

Kehidupan berbangsa dan bernegara memiliki maksud dan tujuan untuk mewujudkan keselarasan dan kesejahteraan masyarakat yang mendiami satu wilayah kenegaraan yang mempunyai kedaulatan dan kemerdekaan yang diiktiraf oleh masyarakat dunia. Pada dasarnya Negara yang berdaulat mengamalkan satu sistem politik tertentu seperti mengamalkan fahaman demokrasi. Negara berdaulat juga mempunyai hukum perundangan yang dapat mengatur kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Setiap negara juga memiliki visi dan misi membangun kehidupan bangsanya yang progresif, maju dan memiliki peradaban yang lebih baik dan maju.

‘Malaysia #sehatisejiwa’ perkukuh solidariti nasional

Oleh: Mohd Ayop Abd Razid
Penganalisis Media BPDN

“Suara kita didengari dan peranan kita dalam memimpin rundingan mengenai isu-isu penting pada peringkat serantau dan global diiktiraf dan dihormati dunia.”

Malaysia sebagai sebuah Negara berdaulat mengamalkan sistem demokrasi berparlimen yang ditunjangi oleh Raja Berperlembagaan. Kita juga mempunyai ideologi yang menjadi asas pegangan dan pedoman bermasyarakat dan bernegara, iaitu Rukun Negara. Nilai-nilai etika, moral dan agama turut menjadi pegangan dalam kehidupan bermasyarakat. Undang-undang tertinggi Negara ialah Perlembagaan Persekutuan.

Di segi wawasan pembangunan, Negara kita bercita-cita menjadi Negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perjalanan untuk mencapainya dikenali sebagai Wawasan 2020 yang dianggap sebagai misi nasional. Negara kita sudah dikenali di pentas dunia melalui penyertaan dalam pelbagai organisasi antarabangsa. Suara kita didengari dan peranan kita dalam memimpin rundingan mengenai isu-isu penting pada peringkat serantau dan global diiktiraf dan dihormati dunia.

Semua elemen tersebut melambangkan bahawa Negara kita adalah sebuah Negara yang berdaulat dan merdeka. Untuk mempertahankan kedaulatan dan kelangsungan negara maka ia menuntut kita berkeyakinan tinggi serta cekal dalam menghadapi cabaran. Pemimpin dan rakyat mesti ‘sehati sejiwa’ dalam menghayati wawasan negara. Perasaan ‘sehati sejiwa’ akan menjadikan kita kuat dan berdaya tahan dalam mengharungi segala cabaran. Ia wajar dijadikan prinsip kehidupan rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini ialah 'Malaysia #sehatisejiwa' yang diumumkan pada Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Kebangsaan 2015 di Dataran Merdeka pada 7 Jun lalu. Tema 'sehati sejiwa' dipilih bagi melambangkan semangat kesepaduan yang dimiliki oleh semua rakyat tidak kira di mana mereka berada. 'Sehati sejiwa' boleh diertikan sebagai satu ikatan hubungan dan kebersamaan. Ia mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini.

Perasaan 'sehati sejiwa' ini penting diamalkan kerana ia berupaya mewujudkan kestabilan nasional dan kesejahteraan hidup bermasyarakat. 'Sehati Sejiwa' mampu mencetuskan sentimen kebersamaan dalam kalangan rakyat tanpa mengira kaum, budaya dan amalan agama. Ia akan mendorong wujudnya hubungan yang saling menguntungkan serta mampu mencegah berlakunya perbalahan antara kaum yang merugikan negara.

'Sehati sejiwa' dapat mewujudkan kehidupan masyarakat yang harmoni dan seimbang dalam pergaulan antara kaum yang lebih akrab di mana kepelbagaian atau keberagaman budaya yang wujud tidak menjadi masalah hubungan etnik masyarakat negara ini. Malah, keberagaman yang ada mampu menjadi modal kekuatan bagi bangsa Malaysia untuk menjadi bangsa yang kuat. Maknanya, perasaan 'sehati sejiwa' mampu memperkukuh proses perpaduan dan integrasi nasional.

Syarat integrasi menuntut anggota masyarakat merasa bahawa mereka saling bertoleransi, bersefahaman dan bersepakat untuk bersama-sama berpegang kepada norma dan nilai-nilai kenegaraan yang dapat membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan berkeperibadian. Keperibadian dan pandangan hidup kebangsaan yang sama berasaskan kepada ideologi kebangsaan - Rukun Negara - akan

“Sehati sejiwa’ boleh diertikan sebagai satu ikatan hubungan dan kebersamaan. Ia mencerminkan roh kesepaduan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat di negara ini.”

membentuk jiwa dan semangat solidariti yang kuat serta mewujudkan rasa patriotisme dan nasionalisme yang tinggi terhadap negara ini.

Malah, perasaan 'sehati sejiwa' ini dapat dizahirkan dalam situasi negara berhadapan dengan sebarang bencana seperti yang pernah ditunjukkan oleh rakyat pelbagai kaum dalam tragedi kehilangan pesawat MH370, tragedi MH17, banjir besar yang melanda kawasan Pantai Timur dan gempa bumi yang berlaku di Sabah.

Kesimpulan, kefahaman dan penghayatan terhadap tema 'sehati sejiwa' bagi sambutan Hari Kebangsaan 2015 mampu meningkatkan komitmen seluruh rakyat untuk bersatu dan mempertahankan negara ini daripada sebarang ancaman. Ia juga sebagai pendorong kepada usaha meneruskan agenda pembangunan negara, terutamanya dalam melonjakkan daya usaha bagi mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. **M**



TRANSFORMASI EKONOMI LANGKAH STRATEGIK perkukuh ekonomi negara

Oleh: Mohd Ayop Abd Razid
Penganalisis Media BPDN

Pada tahun 2009 ekonomi Malaysia berada dalam keadaan agak lemah kesan krisis mata wang serantau 2007/08. Pelaburan Langsung Asing (FDI) ketika itu telah jatuh, manakala daya saing negara pula merosot menyebabkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau ini semakin lemah. Laporan *Global Competitiveness Index 2010* menyatakan kedudukan daya saing kita

Tun Abdul Razak dilantik menjadi Perdana Menteri (2009), beliau mula melaksanakan beberapa langkah strategik untuk memulihkan dan membawa kembali ekonomi negara ke landasan yang betul.

Langkah itu memerlukan anjakan dan pendekatan baru yang lebih realistik selari dengan perubahan dan tuntutan ekonomi global. Hasilnya lahirlah beberapa pembaharuan dalam sektor ekonomi seperti dasar liberalisasi ekonomi, Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pembaharuan fiskal seperti rasionalisasi subsidi dan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Kini, dasar-dasar terbabit semakin menampakkan kesan kejayaan walaupun berhadapan dengan cabaran ekonomi global yang tidak menentu. Tonggak paling utama dalam transformasi ekonomi ialah ETP. ETP yang diperkenalkan pada tahun 2010 dilihat satu langkah dinamik yang selari dengan tuntutan dan perubahan ekonomi global. ETP merupakan program transformasi ekonomi yang bertujuan melonjak pertumbuhan ekonomi mapan untuk membawa Malaysia mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

ETP memberikan penekanan kepada 12 bidang Aktiviti Utama Ekonomi Negara (NKEA). NKEA terbabit ialah minyak, gas dan tenaga, minyak sawit, pertanian, elektrik dan elektronik, pelancongan, pendidikan, penjagaan kesihatan, perkhidmatan kewangan, kandungan komunikasi dan infrastruktur, perkhidmatan perniagaan, pemborongan dan peruncitan dan Greater Kuala Lumpur (Klang Valley).

Sebagai pencetus dan penggerak transformasi, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan pasukannya telah bekerja keras untuk meyakinkan para pelabur luar melalui beberapa siri lawatannya ke luar negara. Hasilnya, keyakinan pelabur luar terhadap potensi Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan terus meningkat.



jatuh ke nombor 24 dari kedudukan nombor 21 sebelumnya. Di antara punca kemerosotan daya saing negara adalah disebabkan ramai tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi berhijrah keluar negara sehingga meletakkan situasi modal insan kita berada pada tahap yang kritikal. Negara hanya memiliki 20 peratus sahaja tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi ketika itu.

Kesannya, pengeluaran produk dan perkhidmatan yang berkualiti kita menjadi merosot dan daya saing kita di pasaran global menjadi lemah. Pertumbuhan produktiviti yang lemah juga menggambarkan bahawa negara masih kekurangan dalam aspek inovasi, terutama inovasi dalam sektor perindustrian dan sektor eksport. Apabila Dato' Sri Mohd Najib

Laporan Persidangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD) yang dikeluarkan pada Jan 2011 menyebut FDI Malaysia pada tahun 2010 bernilai AS\$7 bilion (RM21.30 bilion) berbanding AS\$1.4 bilion tahun 2009.

Hasil kaji selidik yang dijalankan oleh Economist Intelligence Unit (FIU) tentang “Worldwide Cost of Living” pada tahun 2011 meletakkan Malaysia di tangga ke-88 destinasi paling mahal di dunia, berbanding kedudukan ke-95 pada tahun 2009. Menurut kajian tersebut kedudukan Malaysia yang lebih baik itu adalah didorong oleh pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan.

Pencapaian itu telah membuktikan bahawa pelaksanaan projek-projek ETP telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada tahun 2010, Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) negara

KDNK pada tahun 2014 adalah enam peratus melangkaui ramalan pakar ekonomi dan Bank Dunia, yang menjangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.7 peratus, sedangkan ekonomi global tidak pernah mencecah empat peratus sejak tahun 2007. Ia membuktikan ekonomi negara berada pada kedudukan yang kukuh. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita tumbuh sebanyak 47.7 peratus daripada US\$7,059 pada tahun 2009 kepada US\$10,4268 pada tahun 2014. Ini bermakna negara menghampiri status negara berpendapatan tinggi.

Pencapaian positif ini adalah sebahagian besarnya disebabkan tumpuan kepada NKEA yang menyumbangkan 68 peratus daripada jumlah sumbangan PNK 2014.



berada pada paras 7.4 peratus. Ia adalah kesan daripada pelaksanaan ETP. Berdasarkan pelaksanaan projek-projek ETP yang memberangsangkan, kemampuan negara menarik masuk FDI serta pelaburan domestik berjaya mengekalkan pertumbuhan pada kadar sederhana.

Sejak tahun 2011 pertumbuhan menunjukkan *trend* yang agak baik dalam lingkungan empat hingga enam peratus. Laporan ETP 2014 menunjukkan 10 pencapaian utama iaitu: pertumbuhan ekonomi stabil; negara menghampiri pendapatan tinggi; peluang pekerjaan meningkat; sumbangan pelaburan swasta meningkat; langkah konsolidasi fiskal berjalan lancar; hasil kerajaan meningkat; ekonomi pasaran modal teguh; penggunaan swasta meningkat; dan, pengiktirafan global yang berterusan.

“Situasi ekonomi global yang tidak menentu serta beberapa krisis yang berlaku di dunia sedikit sebanyak menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Ini termasuk penurunan harga minyak mentah dunia yang turut menjejaskan nilai mata wang negara.”

PELUANG PEKERJAAN MENINGKAT, DEFISIT FISKAL BERKURANGAN

Sejak ETP dilaksanakan, peluang pekerjaan meningkat dan kadar pengangguran menurun. Pada tahun 2010, sejumlah 1.8 juta pekerjaan baharu diwujudkan dengan 1.5 juta peluang pekerjaan dalam sektor NKEA. Kadar pengangguran menyusut daripada 3.7 peratus (2009) kepada tiga peratus pada bulan Disember 2014.

Selain itu, defisit fiskal berkurangan daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3.5 peratus pada tahun 2014. Pada tahun 2015 kerajaan menyasarkan pengurangan defisit negara kepada 3.2 peratus.

Perlu difahami bahawa kejayaan transformasi ekonomi itu adalah juga kesan daripada pelaksanaan program transformasi kerajaan (GTP) di mana sektor awam telah memainkan peranan yang cukup berkesan dalam menjayakan dasar-dasar baru ekonomi yang diperkenalkan itu. GTP menekankan keberkesanan sistem penyampaian telah berjaya mengurangkan karenah birokrasi dengan memperkenalkan pelbagai inovasi dan pendekatan baharu yang memberi banyak kemudahan kepada pelaburan asing dan aktiviti perniagaan beroperasi di negara ini.

Pun begitu, cabaran tetap dihadapi negara. Situasi ekonomi global yang tidak menentu serta beberapa krisis yang berlaku di dunia sedikit sebanyak

“Sejak ETP dilaksanakan, peluang pekerjaan meningkat dan kadar pengangguran menurun.”



Pengurangan defisit adalah kesan daripada langkah merasionalisasikan subsidi (sejak Oktober 2013), di samping pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus untuk bahan api.

Pelaksanaan GST pada 1 April 2015 pula dilihat mampu meningkatkan hasil kerajaan yang dapat digunakan untuk memperluas pembangunan infrastruktur dan modal insan, serta menambah baik jaringan keselamatan sosial negara. Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang merupakan kaedah rasionalisasi subsidi cukai untuk golongan yang memerlukan adalah contoh jaringan keselamatan sosial.

Hakikatnya, peningkatan hasil kerajaan kesan daripada pelaksanaan ETP dan pembaharuan fiskal membolehkan kerajaan meningkatkan pembangunan dan taraf kehidupan rakyat. Ini termasuk mempertingkatkan pembangunan luar bandar, meningkatkan kemudahan dan taraf kesihatan rakyat, mempertingkatkan pengangkutan awam bandar, mempertingkatkan taraf hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah, menangani kos sara hidup rakyat melalui pelbagai insentif dan pemberian serta pelbagai faedah yang lain.



menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Ini termasuk penurunan harga minyak mentah dunia yang turut menjejaskan nilai mata wang negara. Namun, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dalam kenyataannya menjelaskan bahawa kesan perubahan nilai ringgit terhadap negara pada masa ini adalah terurus. Menurut beliau, kemerosotan nilai mata wang ketika ini turut dihadapi negara-negara lain, terutama negara pengeksport komoditi. Pada asasnya, sistem kewangan negara bersifat matang serta mampu bertahan terhadap sebarang ketidaktentuan ekonomi semasa. **M**

Sehati Sejiwa

Demi tanah yang bertuah
Taman cinta merdeka
Kasih di hatiku ini
Untukmu tanah pertiwi

Dari utara selatan
Juga timur ke barat
Turut gagah Sabah Sarawak
Sehati Sejiwa

Chorus
Kudengar janjimu
Bayu Kinabalu
Kudengar sumpahmu
Rejang yang membiru
Bersatu denganku
Tegap Titiwangsa
Malaysia Sehati Sejiwa

Bridge
Laut luas terbentang
Bukan satu halangan
Untuk kita bersama
Melafaz janji setia
Demimu Malaysia
Cinta kasih di jiwa
Tidak akan kami khianatinya...

Chorus
Walaupun berbeza
Budaya agama
Bukanlah penghalang
Kita bergandingan
Marilah bersatu
Sehati Sejiwa
Malaysia kekal sejahtera ...

Chorus: Iban Kadazan...
(*Mi i so ginavo*) Kadazan
(*Kitai deka mujur*) Iban
(*Mi i so ginavo*) Kadazan
(*Ngetan ke menua*) Iban
(*Mi i soginavo*) Kadazan
(*Nyuluk cita mulia*) Iban
Malaysia Sehati Sejiwa

Lagu : Muhammad Yuri Edris
Lirik : Siso Koprata
Yuri Edris (lirik Kadazan/Iban)
Penyanyi : Alif Satar /Koir Gemersik Chorus
Penyanyi Latar : Gemersik Chorus



PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN: antara realiti dan ilusi



Oleh: Prof. Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah
Felo Utama, INSPIRE, UniSZA, Terengganu

Semua orang akan teruja dan memuji kata-kata “perpaduan dalam kepelbagaian” (unity in diversity) atau Malaysia sesungguhnya Asia (Malaysia truly Asia). Memang sedap didengar. Sedap juga dijual dalam pakej pelancongan. Melancong ke Malaysia seolah-olah melawat negara-negara Asia. Makanan pelbagai, bahasa pelbagai, seni budaya pelbagai, seni reka pelbagai dan banyak lagi. Pendek kata, macam-macam ada.

Namun, realiti menunjukkan, kepelbagaian masih sukar untuk menyatukan, terutama dalam konteks hubungan kemanusiaan. Jurang kepelbagaian itu agak besar, sehingga kelihatan jaraknya. Jarak inilah yang memisahkan, sehingga timbul pelbagai persepsi negatif.

Bayangkan kehidupan suami isteri. Dua insan berbeza cara hidup dan jantina disatukan dengan ikatan perkahwinan. Kepelbagaian sememangnya wujud. Tetapi kepelbagaian itu tidak menjarakkan. Mereka semakin dekat. Masing-masing sanggup berkorban (ego) agar bertambah dekat dan intim. Wujud kepelbagaian, tetapi jarak semakin dekat. Dalam kata lain, kepelbagaian dapat diuruskan. Jika gagal diuruskan, maka berlaku perpisahan atau perceraian.

Menguruskan etnik bukanlah semudah yang disangka kerana melibatkan ramai orang. Apatah lagi berbilang etnik. Semua sedia maklum, kebanyakan negara di dunia ini (lebih 190 negara bangsa) bersifat sebangsa (homogenous). Dalam kata lain, perpaduan kepada mereka lebih mudah kerana perpaduan adalah persamaan (unity is uniformity). Itupun masih ada yang tidak berjaya diuruskan.



Negara seperti Malaysia, berbilang etnik (60 Islam-40 bukan Islam), tidak banyak, berbanding negara sebangsa. Perbandingan mungkin boleh dibuat dengan Fiji, Sri Lanka dan lain-lain. Kita pernah dikejutkan dengan Peristiwa 13 Mei 1969, tetapi telah berjaya diuruskan dengan pelaksanaan pelbagai program, seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan lain-lain dasar, dalam usaha mencari persamaan dan menghormati perbezaan.

Hari ini sudah 58 tahun merdeka, kita telah berjaya menguruskan kepelbagaian dengan wujudnya perpaduan. Walaupun insiden-insiden kecil masih ada berlaku seperti Peristiwa Kampung Medan, Petaling Jaya (2001), Peristiwa Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan terbaharu, insiden di Plaza Low Yat. Tetapi tidaklah seserius Peristiwa 13 Mei 1969. Ini menunjukkan bahawa kita berjaya memadamkan api perkauman, tetapi tidak sepenuhnya, baranya masih ada.



Justeru, kita tidak boleh merasa selesa atau kompleksen (complacent). Kita mesti berusaha untuk memadamkan api secara keseluruhan tanpa meninggalkan bara. Dibimbangi, bara yang masih belum padam, disimbahi api, akan menyala semula. Telah pun berlaku dan ia tidak mustahil.

Realiti yang ada semakin ketara, setiap bangsa pentingkan diri masing-masing. Memperjuangkan agenda kaum masing-masing. Sentuh sahaja sedikit hak mereka, melenting tidak tentu pasal. Isu-isu sensitif semakin tidak lagi menjadi sensitif, malah dibincang secara terbuka. Misalnya, kedudukan agama Islam dan juga agama lain, hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera dan sebagainya.

Mungkin kisah Cikgu Wong, 60 tahun, seorang ibu beragama Buddha dari Putatan, Sabah, yang sanggup membesarkan 2 anak Melayu ‘terbuang’ dan kekal sebagai seorang Islam, boleh dijadikan teladan untuk rakyat Malaysia.

Anak-anak yang dididik tidak pengaruhi mengikuti agamanya. Terima kasih Cikgu Wong. Andalah ibu 1Malaysia. Sifat anda sukar untuk dicari kalangan ultra kiasu di Semenanjung. Tidak hairan jika perpaduan di sana jauh lebih baik dari di sini. Bahasa Melayu Cikgu pasti hebat.

Amat terharu sekali mendengar kata-kata Cikgu Wong ini. “Ini Ridzuan dan ini Jefri. Anak angkat saya. Dua orang ini saya pelihara semasa mereka masih bayi. Ridzuan ditinggalkan dalam kotak di tempat buang sampah, manakala Jefri pula ditinggalkan oleh ibunya dan keluarganya menyerahkan kepada saya untuk dijaga.



Peristiwa 13 Mei 1969

“Walaupun insiden-insiden kecil masih ada berlaku seperti Peristiwa Kampung Medan, Petaling Jaya (2001), Peristiwa Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan terbaharu, insiden di Plaza Low Yat. Tetapi tidaklah seserius Peristiwa 13 Mei 1969. Ini menunjukkan bahawa kita berjaya memadamkan api perkauman, tetapi tidak sepenuhnya, baranya masih ada.”

“Saya beragama Buddha tetapi anak saya ini saya kekalkan agama mereka, Islam. Saya hantar pergi ke kelas agama dan mereka juga turut berpuasa bila tiba bulan Ramadan. Bila makan, saya akan pastikan mereka makan makanan yang halal dan kami menggunakan pinggan yang berasingan”.

Oh! Cikgu Wong, alangkah bertuahnya Malaysia jika ramai warganya sepertimu. Saya pasti akan mencari Cikgu Wong jika berkesempatan pergi Putatan, Sabah.

Kepelbagaian ini patut dicontohi oleh seluruh rakyat Malaysia. Apa resepi Cikgu Wong? Jawapannya, kerana Cikgu Wong menghormati agenda negara dan menghormati perlembagaan yang meletakkan Islam sebagai agama persekutuan.

Dalam kata lain, Cikgu menghormati kepelbagaian, pada masa sama mencari persamaan. Pendek kata, perpaduan itu wujud dalam kepelbagaian, tetapi pada masa sama tidak menolak perpaduan itu adalah juga kebersamaan. Cikgu Wong sanggup berkorban untuk mendekatkan perbezaan kepada persamaan. Saya juga amat yakin peranan Bahasa Melayu turut menyatukan Cikgu Wong dan anak-anak angkatnya itu.

Tidak seperti sebahagian kita di sini, yang saya labelkan dengan kumpulan ultra kiasu. Hidup tidak langsung mahu berkongsi atau mencari persamaan. Agenda kebangsaan tidak disambut. Misalnya, ketika pembukaan Parlimen. Kebiasaannya, pakaian kebangsaan akan dipakai. Tidakkah nampak indah dan cantik jika semua berpakaian baju kebangsaan, baju Melayu? Kenapa ada yang memakai blazer dan tali leher?

Adalah suatu yang silap jika kita berkata pakaian baju Melayu itu adalah untuk orang Melayu. Itu adalah pakaian kebangsaan. Saya lebih suka melihat setiap etnik (pemimpin) mengenakan pakaian etnik masing-masing daripada mengenakan blazer dan tali leher. Lebih baik berakulturasi cara hidup Malaysia daripada cara hidup barat.

Walaupun berstatus wakil rakyat, hidup perkauman, tidak mahu berakulturasi, jauh lagi berasimilasi. Bahasa Melayu tonggang-langgang. Semua ini mengingatkan saya ketika zaman remaja saya, melihat agak ramai penyanyi bukan Melayu menyanyi lagu-lagu Melayu seperti DJ Dave (Irwan Shah), Alley Cats, Kenny, Remy dan Martin, Francisca Peters dan Roy, Andre Goh dan ramai lagi. Mereka ini amat dekat dengan hati dan diri orang Melayu. Kenapa hari ini tidak ya?

Bukan kerana tidak ada penyanyi bukan Melayu menyanyi lagu Melayu hari ini. Ada. Sudah tentu tidak seramai dahulu. Namun, walaupun mereka menyanyi lagu Melayu, tetapi kita tidak berasa mereka ini dekat di hati. Pasal apa?

Jawapan mudah, artis dulu sanggup berasimilasi dan menghayati lagu Melayu tersebut, selain dekat dengan orang Melayu. Mereka seolah-olah seperti orang Melayu. Hari ini susah sangat hendak melihat keadaan sebegini. Menyanyi lagu Melayu semata-mata bagi tujuan komersial atau mendapat duit.

Tidak ada penghayatan langsung terhadap lagu Melayu tersebut. Lagu sekadar hafalan. Sebab itu, kita lihat bila menyanyi, tidak ada penjiwaan. Lagu sedih, mimik muka senyum. Lagu ceria, mimik muka tidak ceria. Itulah ultra kiasu dalam nyanyian.

Justeru, dalam usaha melahirkan rakyat 1Malaysia, beberapa pendekatan berikut hendaklah diberi perhatian. Pertama, jika tidak mahu berasimilasi, sekurang-kurangnya kita berakulturasi, menyesuaikan dan menerima pakai (adapt and adopt). Jika terus-menerus mahu mempertahankan identiti bangsa, bahasa dan sekolah masing-masing, sampai bila-bilapun kita tidak akan dapat lahirkan rakyat 1Malaysia.



“Justeru, dalam usaha melahirkan rakyat 1Malaysia, beberapa pendekatan berikut hendaklah diberi perhatian. Pertama, jika tidak mahu berasimilasi, sekurang-kurangnya kita berakulturasi, menyesuaikan dan menerima pakai (adapt and adopt).”

Sebab itu, kita amat teruja rakyat Thai yang bukan Siam. Agenda negara telah berjaya menampakkan dan menonjolkan keikhlasan mereka. Bila berjumpa raja Siam, terus meniarap, seperti orang Siam. Kita masih terlalu jauh. Mengangkat sembah hormat, jauh sekali. Malah, peranan institusi dan beraja turut dipersoalkan.

Sempena menyambut Hari Kebangsaan ini, saya menyeru kepada kita semua, agar juga dapat menerima perpaduan itu juga adalah persamaan, bukan hanya perpaduan dalam kepelbagaian dengan pendekatan adapt and adopt.

Kedua, contohilah tiga bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra (juga adiknya, Yingluck) dan Chuan Leekpai, bekas Presiden Filipina Corazon Aquino, serta Gabenor Jakarta Basuki Tjahaja Purnama, kesemuanya berketurunan Cina.

Kenapa semua pemimpin di atas boleh diterima oleh penduduk asal, walaupun mereka berbeza bangsa? Jawapannya mudah, mereka telah menjadi



“...kita tidak boleh merasa selesa atau kompleksen (complacent). Kita mesti berusaha untuk memadamkan api secara keseluruhan tanpa meninggalkan bara. Dibimbangi, bara yang masih belum padam, disimbahi api, akan menyala semula. Telah pun berlaku dan ia tidak mustahil.”

orang tempatan. Jika persoalan bangsa dibangkitkan, mereka akan meletakkan nama negara/bangsa asal terlebih dahulu. Perpaduan itu adalah persamaan. Ketiga, perlembagaan Negara hendaklah difahami sedalam-dalamnya dan dijadikan tunggak hidup bernegara. Agenda negara seperti, Bahasa Melayu mesti dikuasai oleh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Semua sekolah hendaklah memperkasakan BM, apa jua aliran mereka. Begitu juga dengan agensi awam dan swasta. Tindakan hendaklah diambil terhadap mereka yang tidak mendaftarkan agenda negara.

Keempat, Sekolah Wawasan yang boleh menyatukan kaum sejak dari kecil hendaklah diperbanyakkan, berbanding sekolah berasaskan kaum. Kanak-kanak tidak boleh dipisahkan sejak dari kecil. Mereka mesti bercampur untuk saling kenal-mengenal antara satu sama lain.

Akhirnya, saya amat yakin, jika langkah-langkah untuk mendekatkan perbezaan ini diambil, semakin ramai Cikgu Wong yang dapat kita lahirkan daripada menjadi ultra kiasu. Pendek kata, perpaduan dalam kepelbagaian akan menjadi realiti jika ramai orang seperti Cikgu Wong. Jika tidak, ianya hanyalah satu ilusi. **M**



“Cukuplah pengalaman hidup dalam ketakutan”

Oleh: Amir Anuar

“Cukuplah sudah pengalaman lalu hidup ketakutan dan dikacau oleh mundu (lanun),” kata Sabaldati Jelani, salah seorang pemuda Pala’u (Bajau Laut) yang berusia lingkungan 30-an dan tinggal di Pulau Sibuan, Semporna bersama ahli keluarganya.

Zaman kanak-kanaknya, Sabaldati terpaksa melalui sejarah hitam apabila ayahnya dibunuh oleh sekumpulan mundu yang datang ‘bertamu’ ke pulau untuk mengambil bekalan makanan dan barang-barang berharga milik penduduk kampung.

Sabaldati berkata pengalamannya pada masa itu cukup menjadikannya fobia kerana setiap kali tiba waktu malam, mereka terpaksa berhati-hati dan tidak dapat tidur dengan nyenyak akibat gelisah jika ada mundu yang datang ‘menyerang’.



Anggota tentera yang bertugas menjaga keselamatan sempadan negara di Pulau Sibuan.

“Kalau melihat mereka (mundu) datang, kami terpaksa lari bersembunyi meninggalkan rumah dan membiarkan sahaja mereka mengambil makanan dan barang-barang lain kerana kalau melawan kami akan dipukul atau dibunuh.

“Lebih baik kami biarkan sahaja mereka (daripada melawan), sebab nyawa lebih penting daripada makanan atau barang-barang yang mereka ambil,” katanya ketika ditemui penulis pada Program Kembara Media 1Malaysia di Pulau Sibuan, 16 Mei lalu.



KINI HIDUP LEBIH AMAN

Selepas lebih 15 tahun berlalu, Sabaldati berkata kehidupan mereka pada hari ini lebih aman, terutamanya selepas pasukan keselamatan mendirikan pos kawalan di pulau itu berikutan kes penculikan di Pulau Sipadan pada tahun 2000.

Walaupun kini arahan perintah berkurung dikuatkuasakan oleh kerajaan, namun Sabaldati berasa gembira kerana mereka masih bebas menjalankan aktiviti seharian dengan lebih tenang termasuk keluar memancing ikan pada sebelah malam.

Malah, Sabaldati turut gembira kerana berpeluang belajar Bahasa Melayu dengan anggota pasukan keselamatan yang bertugas di Pulau Sibuan, sekaligus menjadikan dirinya seringkali diminta menjadi jurucakap penduduk di pulau itu.

Keadaan itu jelas berbeza berbanding semasa Sabaldati dan ahli keluarganya dilanda gelisah saat

tercetusnya isu Tanduo dan peristiwa berdarah Simunul pada 2013, sehingga mereka pernah merancang mahu berpindah ke Pulau Tungku, Lahad Datu.

Menurutnya, mereka sentiasa mengalu-alukan kehadiran orang luar termasuk pelancong ke pulau itu kerana berasa gembira apabila ada 'tetamu yang baik' melawat mereka, lebih-lebih lagi membolehkan mereka berasa 'dekat dengan dunia luar'.

PULAU SIBUAN DAN PALA'U

Persinggahan di Pulau Sibuan membolehkan rombongan Kembara Media 1Malaysia mendekati komuniti Pala'u ini yang handal di laut namun tidak lagi 'hidup' di perahu atau hidup secara nomad berpindah-randah seperti sebilangan orang Pala'u yang lain.

Pulau Sibuan adalah salah satu daripada 49 pulau di Semporna serta didiami oleh kira-kira 100 penduduk tetapi hanya terdapat lapan buah rumah di pulau itu selain sebuah pos kawalan tentera dan sebuah Pejabat Taman-Taman Sabah.

Setiap rumah penduduk di Pulau Sibuan pula dihuni bilangan ahli keluarga yang besar, misalnya Sabaldati tinggal bersama 18 ahli keluarganya di sebuah rumah kayu yang beratap nipah tanpa menikmati kemudahan asas bekalan elektrik ataupun air bersih.

Sabaldati dan masyarakat Pala'u di pulau itu juga rata-ratanya tidak mempunyai sebarang kewarganegaraan (stateless), malah mereka juga tidak bersekolah serta sukar untuk menemui penduduknya yang boleh berbahasa Melayu seperti Sabaldati.

Corak kehidupan masyarakatnya pula masih berorientasikan cara tradisional dan bergantung sepenuhnya dengan hasil laut seperti memancing ikan, mencari kimah, siput, agar-agar dan lato' (rumpai laut yang mudah didapati di perairan Pantai Timur Sabah).

KEMBARA MEDIA 1MALAYSIA

Tumpuan program difokuskan kepada isu keselamatan, ekonomi dan kebudayaan serta diadakan secara kerjasama antara Jabatan Penerangan Negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sabah serta pihak berkuasa tempatan dan syarikat berkaitan kerajaan.

Secara tidak langsung, membolehkan Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia memperkasa jaringan strategik di antara jabatan kerajaan dan media-media arus perdana di negara ini, selain mendekati masyarakat Sabah.

Selain Pulau Sibuan, rombongan Kembara Media 1Malaysia turut berkesempatan singgah di Pulau Boheydulang, namun rancangan melawat ke Pulau Selakan terpaksa dibatalkan kerana paras air laut yang cetek dan ditukar ke perairan Pulau Maiga.

Rombongan media dibawa ke beberapa lokasi menarik seperti pusat penanaman rumpai laut (Semporna), perusahaan amplang (Tawau) serta lokasi yang pernah menjadi medan pertempuran akibat pencerobohan militan di Tanduo dan Tanjung Labian, Lahad Datu.

Sekali gus, memberikan ruang kepada pengamal media melihat dan menyelami sendiri situasi sebenar yang berlaku di ketiga-tiga daerah terbabit hasil pertemuan-pertemuan bersama pemimpin-pemimpin dan penduduk-penduduk tempatan.

PERINTAH BERKURUNG

Semenjak mula diumumkan pada 19 Julai 2014, iaitu lebih setahun yang lalu, perintah berkurung kini masih dikuatkuasakan di Zon Selamat Timur Sabah (Esszone) meliputi Tawau, Kunak, Semporna, Lahad Datu, Sandakan dan Kinabatangan.



Petugas media mengambil sudut terbaik masing-masing semasa merakamkan aksi lelaki tua di Pulau Sibuan memasak kima.



Masyarakat Pala'u berkumpul di hadapan rumah Sabaldati untuk meraikan rombongan Kembara Media 1Malaysia.

Ada yang kluatir perkembangan itu sedikit sebanyak memberikan kesan negatif ke atas sektor pelancongan dan perikanan laut dalam kerana tidak dapat beroperasi pada jarak tiga batu nautika dari pantai seperti lazimnya antara jam 7 malam sehingga 5 pagi.

Lebih-lebih lagi sepanjang pengenalan perintah berkurung itu juga, beberapa kes penculikan dan cubaan untuk menculik tebusan dalam kalangan pelancong warga asing dan ahli perniagaan menggemparkan komuniti Esszone.

Namun, di sebalik senario terbabit, pelaksanaan perintah berkurung kini menunjukkan perkembangan positif apabila Kawasan Khas Keselamatan Pantai Timur Sabah (Esscom) sudahpun berhasil menggagalkan tujuh percubaan culik dan tebusan semenjak 2014.

Keyakinan komuniti Esszone juga kian kukuh, malah, menurut Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman, permintaan banyak pihak antara faktor keputusan melanjutkan perintah berkurung dijalankan selain mengambil kira situasi keselamatan.

NIKMAT MERDEKA

Usaha berterusan kerajaan dan pasukan keselamatan dalam memastikan ketenteraman, keamanan dan kemakmuran negara dapat berterusan dinikmati rakyat yang merdeka, wajar mendapat sokongan dan dukungan tidak berbelah-bahagi semua pihak.

Pendedahan yang pernah dikongsikan oleh Datuk Jalaluddin dan Komander Esscom Datuk Abd Rashid Harun bahawa wujud tali barut yang bersekongkol dengan jenayah rentas sempadan melibatkan kes penculikan dan tebusan amat menggemparkan.

Sejarah sudah membuktikan betapa kehadiran petualang, pembelot dan tali barut bisa menghancurkan kedaulatan sesebuah negara, justeru amat penting usaha berterusan memantapkan pengisian semangat patriotik rakyat cintakan negara diperhebatkan.

Sabaldati sudah merasakan betapa peritnya hidup dilanda ketakutan dan kita tidak mahu pengalamannya itu berulang, apatah lagi merebak sehingga membuatkan penjenayah ataupun militan ataupun sebarang pihak bermaharajalela di negara kita yang merdeka.

Luahan harapan Sabaldati adalah gambaran cita-cita rakyat yang 'Sehati Sejiwa' cintakan kedamaian untuk melihat negara ini kekal aman dan merdeka. **M**

BAHASAKU Bahasa Melayu

Bagaikan kuntum-kuntum mawar
segar menguntum wangi mekar
harum semerbak indah ceria
tersebar ke ceruk rantau buana
desa kota
bahasaku, Bahasa Melayu
semakin subur di kebun siasah
semakin intim dan akrab di taman muhibah
semakin mantap dan canggih di sketsa kemajuan
semakin terampil di buana pembangunan
kuntum kelopak mata, frasa dan klausa
zaman berzaman mapan berbunga ceria
menangani riak kocak bagai gelora
sintaksis waswas dan lautan curiga

bahasaku, bahasa pemangkin budaya ilmu dan sastera
di persada nusa bangsa, nusantara dan antarabangsa
bahasaku, bahasa perjuangan srikandi dan wira
di pentas wacana keintelektualan intelegensia
sains dan teknologi menjelang wawasan perdana

dirgahayu bahasaku, bahasa Melayu
gah megah tabah gagah
meniti cemerlang gemilang
negara merdeka
di peta dunia!

CHAI LOON GUAN

(Sumber rujukan: Buku Suara Kita Antologi Seribu Sajak Merdeka)

ZAHIR RASA CINTA NEGARA DENGAN KIBAR Jalur Gemilang

Oleh: Raduan bin Tambi

Tahun ini sekali lagi seluruh rakyat Malaysia berpeluang meraikan sambutan Hari Kebangsaan 2015. Sudah menjadi kelaziman sambutan Hari Kebangsaan akan diserikan dengan kempen kibar jalur gemilang. Antara lain objektif kempen ini ialah untuk mengajak rakyat mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang perayaan ini sekali gus memupuk dan menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat supaya melahirkan masyarakat yang mencintai serta menyayangi negara Malaysia. Bertemakan Malaysia #sehatisejiwa cukup signifikan untuk menyemai semangat cintakan negara. Inilah saja cara yang termampu kita zahirkan sebagai tanda cinta kita kepada negara .

Kita mungkin tidak segagah pejuang terdahulu untuk menghunus keris atau mengangkat senjata melawan musuh sebagaimana yang telah dilakukan oleh anggota keselamatan semasa bertempur dengan pengganas Sulu ketika insiden pencerobohan

di Lahad Datu. Mereka sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan bumi Malaysia walau pun seinci daripada dikuasai oleh musuh. Kita juga tidak setabah isteri-isteri yang telah kehilangan suami yang terkorban dalam insiden berkenaan. Namun, kita masih mampu untuk mengerakkan kudrat mengibarkan Jalur Gemilang bagi menzahirkan rasa cinta kita kepada Negara. Mungkin mudah untuk diperkatakan tetapi amat berat untuk dijayakan kalau tidak dengan semangat yang jitu dan padu.

Justeru, pelbagai program telah diatur dan dilaksanakan oleh agensi kerajaan untuk mengajak masyarakat menjayakan kempen ini. Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) antara agensi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang bertanggungjawab memastikan kempen ini mendapat penyertaan daripada masyarakat. Antara program yang dilaksanakan ialah Kembara Merdeka Jalur Gemilang, pertandingan Keceriaan Merdeka dan pameran Kemerdekaan. Sebagai menandakan rasa





cinta kepada Negara, orang ramai menyahut seruan tersebut dengan menghias rumah mereka dengan Jalur Gemilang pelbagai saiz dan susun atur. Ada juga di antara mereka menjadikan bahan terbuang seperti tin dan botol minuman sebagai Jalur Gemilang yang dicat mengikut warna asal Jalur Gemilang. Mereka yang berkenderaan pula menghias sama ada kereta, motosikal, van, lori dan sebagainya dengan Jalur Gemilang. Sepanjang bulan kemerdekaan seluruh rakyat menyambut baik kempen ini dengan pelbagai cara dilakukan. Di segenap pelusuk sama ada di bandar atau luar bandar rakyat bersatu menjayakan kempen ini. Senario ini jelas menzahirkan bahawa rakyat terlalu amat mencintai bumi yang bergelar Malaysia. Tak kira warna kulit, agama dan bangsa rakyat terus mewarnai kempen ini dengan mengibar Jalur Gemilang tak kira di rumah, bangunan, kedai, kenderaan dan pelbagai lokasi.

Kejayaan kempen kibar Jalur Gemilang ini terletak kepada komitmen kita sebagai rakyat Malaysia. Untuk itu marilah kita sama-sama menzahirkan rasa cinta kita kepada bumi yang bernama Malaysia dengan menyemarakkan kempen kibar Jalur Gemilang. Marilah kita menjadi orang yang di hadapan dalam menjayakan kempen ini sama ada kita dibekalkan dengan Jalur Gemilang percuma atau pun tidak itu bukan persoalannya. Matlamat kita ialah memastikan bumi Malaysia ini diwarnai dengan kibaran Jalur Gemilang. Sebagai rakyat Malaysia kitalah yang bertanggungjawab menyemarakkan kempen ini, Malaysia #sehatisejiwa. **M**



SEMARAK Hari Kebangsaan 2015





MALAYSIA'S PARTICIPATION AT
EXPO MILANO 2015
1 MAY – 31 OCTOBER 2015



MILANO 2015

<p>OBJECTIVES OF PARTICIPATION</p>	 	<p>To promote Malaysia as an advanced nation and as the preferred trade & investment destination</p>	
	<p>To showcase Malaysia's diverse capabilities and counter negative publicity e.g. palm oil, forest products</p>		<p>Highlight technological advancements and innovations</p>
<p>To showcase Malaysia's cultural heritage and tradition</p>		<p>Promote hospitality and tourism industry</p>	



MUSIC FESTIVAL

FASHION SHOW

COOKING DEMO

CULTURAL PERFORMANCES



BATIK/ART DEMO

DOCUMENTARIES

ANIMATION

TALKS



PHOTOGRAPHY

GAMES

FRUIT FEST

FOOD FESTIVAL


KEJAYAAN PAVILION MALAYSIA

Pavilion Malaysia telah diiktiraf sebagai ketiga terbaik dari segi reka bentuk dalam kalangan 145 negara dan tiga badan antarabangsa yang menyertai ekspo berprestij ini. Penyertaan Malaysia dalam ekspo yang dianjurkan lima tahun sekali sejak 1914, berjaya menjenamakan semula nama negara di peringkat antarabangsa.

Antara produk tempatan dari Malaysia yang berjaya diperkenalkan dan diberi pencerahan dalam ekspo ini ialah minyak kelapa sawit. Sebelum ini, minyak kelapa sawit didakwa sebagai racun dan sebagai punca penebangan hutan. Walau bagaimanapun, ia berjaya diperjelaskan bahawa pembangunan ladang sawit di negara ini disusuli proses penanaman semula dan kelestarian hutan serta pengekalan sumber biodiversiti.

Justeru, penyertaan Malaysia dalam ekspo ini dijangka dapat memberi kesan positif dari segi meningkatkan kerjasama perdagangan dan pelaburan Negara-negara Eropah.

THE SEEDS OF THE RAINFOREST



SEED 1 OUR HOME

Diversity of Malaysia

Through a spectacular multi-sensory experience, visitors discover how Malaysia balances between conserving the environment and sustaining the need for progress.

SEED 2 HAVEN OF BIODIVERSITY

Protect & Preserve

Welcome to the rainforest! Visitors enter a world of natural wonders, where animals seemingly roam free amid real sounds and smell of the jungle and learn about the importance of conserving Malaysia's ecosystem for future generations.

SEED 3 SEEDS OF CHANGE

Present & Future

Here, visitors will see why the future is green. Nature is cultivated to power industries, which in turn leads to innovations that power the world as well as help sustain the environment.

SEED 4 COLOURS OF MALAYSIA

Music, Arts & Culture

Finally, no trip to Malaysia is complete without food, music and making new friends. Visitors are treated to live performances, traditional games and culinary delights.

THE MALAYSIA PAVILION

Malaysia is a model of sustainable development in biotechnology and agricultural innovations.

DESIGN CONCEPT

The Pavilion resembles four seeds symbolising the country's transformation from an economy based on commodities to a technologically driven industry.

GREEN CONSTRUCTION

The eye-catching giant seeds are made of sustainable materials from Malaysia's Gijam, the innovative glue-laminated timber and designed to be energy efficient.

184 DAYS OF EVENTS

Spread over 2,047 square metres, there's never a dull moment at the Malaysia Pavilion, with non-stop multi-cultural sights and sounds and activities.

Expo Milano 2015 at a glance

- World Expo is held every 5 years
- 148 participating countries
- Theme: Feeding the Planet, Energy For Life
- Addresses the sustainability of food and nutrition – how our actions today will impact the next generation, exploring innovative sustainable development.
- www.expo2015.org

Malaysia's Participation

The Expo Milano 2015 provides a good platform for Malaysia to showcase products, talents, expertise, technology and innovation. The focus is to highlight Malaysia as a progressive nation with emphasis on sustainable development complementing the Expo's main theme.



Find out more at:
www.malaysiapavilion2015.com.my

Facebook: [MalaysiaPavilion](#) | Twitter: [@Moia_Pavilion](#)





Sehati Sejiwa Menghayati Merdeka

Kemerdekaan adalah nikmat
Adalah anugerah
yang sukar diungkap
Walau dengan berjuta madah

Maka peliharalah
Pertahankanlah
Walau dengan nyawa dan darah
Dan usah sesekali mengalah
Jangan sesekali tergoda
Dengan janji dan helah
Para petualang berjiwa penjajah

Marilah kita semarakkan bulan kemerdekaan
Dengan jiwa penuh kesedaran
Dengan hati penuh keinsafan
Tentang betapa tingginya nilai kebebasan
Betapa mahalnya harga pengorbanan
Dan betapa pentingnya ikatan perpaduan
Dalam memacu kelangsungan perjuangan

Hayatilah wawasan mulia
Buktikanlah kesetiaan sejati
Dalam semangat sehati sejiwa
Membangunkan nusa, membela pertiwi

Shamsudin Puteh
23 Ogos 2015.



Diterbitkan oleh:



Laman web: www.penerangan.gov.my
E-mel: webmaster@inform.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO: MY-AR 5240